- c. Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor akan bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penggiat industri pelancongan dan kebudayaan di dalam penganjuran FAM Trip bersama media dan operator agensi pelancongan untuk melawat, melihat dan merasai sendiri pengalaman produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Selangor. Pendekatan kaedah FAM Trip yang lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan Media Influencer serta *Key Opinion Leader* (KOL) diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh.
- d. Bagi perancangan tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor turut menyasarkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor TwinCity Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Regatta 2020, Golf Open 2020, Retromania Gathering dan Wings of KKB 2020 yang terbukti memberi impak kepada keseluruhan kedatangan pengunjung domestik dan luar negara. Kerajaan Negeri juga akan memberikan sokongan di dalam penganjuran acara Super GT Malaysia 2020 di SIC Sepang pada 17 & 18 Julai 2020 yang dijangka akan menarik ramai pelancong diperingkat antarabangsa dan rantau Asia Tenggara.
- e. Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu dengan padu dan sistematik, Kerajaan Negeri terus meneruskan komited dan akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020.
- f. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa seperti:
  - i. Pengiklanan *Billboard 'Unipole'* di 5 lokasi strategik termasuk Langkawi, Penang, Melaka, Johor Bharu dan Perak;
  - ii. Pengiklanan *Digital Out Of Home* di tujuh (7) lokasi strategik termasuk KLIA, KLIA2, Kota Kinabalu International Airport, Stesyen Utama ETS dan BTS, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah serta di sepanjang Lebuhraya Persekutuan;
  - iii. Pengiklanan Digital menerusi platform KLIA TV di KLIA dan KLIA2;

- iv. Pengiklanan di pesawat penerbangan termasuk *Internal Compartment Wrap*; serta
- v. Promosi media sosial termasuk Facebook, Instagram, Google, serta WeChat dan Weibo dalam bahasa asing bagi segmen pasaran luar negara.

Perancangan aktiviti promosi ini akan diperincikan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan semasa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (*Return of Investment*) yang tinggi dan berkesan.

- g. Melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri telah mengenal pasti beberapa segmen pelancongan yang berpotensi menarik lebih banyak pelancong berkunjung dan melawat ke Negeri Selangor. Antaranya adalah:-
  - I. Pelancongan Sukan Golf
  - II. Pelancongan Perubatan dan Kesihatan (Medical & Wellness)
  - III. Pelancongan Cruise (Kapal Persiaran Mewah)
- h. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri juga menyasarkan untuk memperkasakan serta menjenamakan Negeri Selangor sebagai pusat pelancongan golf utama negara dan memberi tumpuan dan sokongan kepada penganjuran kejohanan golf bertaraf antarabangsa.
- i. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada aktiviti promosi pelancongan perubatan dan kesihatan dengan kerjasama MHTC (*Malaysia Healthcare Tourism Council*) dalam beberapa penganjuran program promosi tempatan mahupun antarabangsa seperti pameran expo pelancongan, FAM Trip dan Majlis Anugerah.
- j. Selari dengan agenda Klusterisasi Ekonomi Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah (Cruise Tourism) yang telah dikenal pasti di bawah Kluster Pelabuhan dan Maritim. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di BCC, Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi liputan, pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PERPADUAN**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Perpaduan adalah matlamat utama rakyat Malaysia. Penduduk Negeri Selangor adalah bersifat pluralistik iaitu terdiri daripada pelbagai etnik, agama, budaya dan adat resam. Kepelbagaian ini merupakan keunikan yang menjadi aset kekuatan yang dibudayakan ke arah pemupukan semangat perpaduan yang kita miliki hari ini.

Landskap persekitaran kita yang aman damai dan harmoni ini adalah berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara yang dijadikan sebagai teras budaya dan gaya hidup penduduk Negeri Selangor.

**TINDAKAN USAHA MENYEMARAKAN SEMANGAT PERPADUAN**

Sebagai agensi peneraju perpaduan, pihak Jabatan Perpaduan sentiasa berusaha dengan gigih dalam memastikan kesepaduan sosial terus terpelihara dan dipupuk melalui aktiviti-aktiviti penyatupaduan bermula di peringkat akar umbi. Penekanan konsep penerimaan dan tolak ansur diterapkan dalam semua lapisan masyarakat untuk mengukuhkan hubungan dikalangan penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama, budaya dan adat resam.

Rukun Tetangga (RT) adalah jawatankuasa sukarela di peringkat akar umbi dan kawasan kejiranan yang melaksanakan aktiviti-aktiviti pemupukan perpaduan dan pengurusan penyelesaian masalah untuk mencapai kesejahteraan sosial dalam sesebuah komuniti. Sehingga Disember 2019 di Selangor ada sebanyak 1075 kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan sebanyak 5758 aktiviti telah dilaksanakan di peringkat akar umbi yang meliputi 10 bidang utama iaitu sukan, rekreasi, sosial, kebajikan, kebudayaan, pendidikan, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar, ekonomi dan bidang agama. Penglibatan masyarakat dalam program anjuran Rukun Tetangga ini adalah melibatkan penyertaan setiap lapisan masyarakat iaitu jiran muda, jiran wanita, jiran usia emas dan tunas jiran. Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga memainkan peranan serius dalam memastikan penglibatan segenap pemastautin dalam sempadan KRT dilibatkan dalam setiap aktiviti. Adalah

menjadi tanggungjawab ahli jawatankuasa KRT merancang serta menjayakan aktiviti secara berfokus dan memastikan tiada pemastautin atau pihak yang dipinggirkan dalam menikmati segala manfaat dan impak aktiviti yang dilaksanakan. Jabatan merekodkan bahawa penyertaan sebanyak 463,693 orang telah dilibatkan bersama dalam aktiviti Rukun Tetangga Selangor sepanjang tahun 2019.

Program pendidikan keselamatan kejuranan melalui skim rondaan sukarela (SRS) juga merupakan antara usaha jabatan dalam menerapkan pemekaan kesedaran menjaga keselamatan dalam kawasan kejuranan. Di Negeri Selangor ada sebanyak 630 pasukan SRS yang menjalankan aktiviti rondaan dan program pendidikan keselamatan di seluruh daerah. Perlaksanaan aktiviti pendidikan keselamatan yang dilaksanakan bersama PDRM secara strategik ini dapat meningkatkan kesedaran serta tanggungjawab masyarakat bersama-sama dalam menjaga keselamatan dan seterusnya dapat meningkatkan rasa selamat penduduk dalam sesebuah kawasan Rukun Tetangga. Peningkatan rasa selamat penduduk membolehkan masyarakat khususnya dalam kawasan KRT menjalani kehidupan dengan selesa dan harmoni.

Dalam usaha memastikan semua rakyat menikmati kesejahteraan sosial dan meningkatkan kualiti hidup komuniti maka Program Sayangi Komuniti (PSK) dilaksanakan di kawasan Rukun Tetangga yang berisiko tinggi dan mempunyai komuniti *bottom 40* (B40) di bandar dan pinggir bandar. Melalui program ini segala isu dan permasalahan komuniti diurus dan diselaras dengan jaringan strategik dengan pelbagai agensi dan badan korporat oleh jawatankuasa Rukun Tetangga kawasan berkenaan. Ini adalah usaha menyemarakkan peranan “daripada komuniti untuk komuniti” dilaksanakan dalam memperkasakan terjemahan perpaduan adalah tanggungjawab bersama. Pengurusan inventori permasalahan rakyat secara tersusun dan strategik ini dapat mengurangkan ketegangan masyarakat malah dapat mengukuhkan lagi hubungan komuniti antara satu sama lain dalam kawasan kejuranan berkenaan. Di Selangor ada sebanyak 39 kawasan PSK iaitu :

- i. Petaling : 19 PSK
- ii. Klang : 6 PSK
- iii. Gombak: 4 PSK
- iv. Sepang : 4 PSK
- v. Hulu Langat: 3 PSK
- vi. Kuala Langat : 2 PSK
- vii. Kuala Selangor: 1 PSK

Jabatan Perpaduan juga sentiasa menerapkan nilai-nilai patriotisme dan elemen silang budaya untuk mengukuhkan lagi semangat perpaduan dihati dan jiwa masyarakat kita. Program pengukuhan nilai-nilai murni dan perpaduan ini

dilaksanakan dan difokuskan kepada jiran muda dan pelajar yang merupakan pewaris dan pemimpin kita dimasa hadapan. Oleh itu dalam menyiapkan modal insan yang berkualiti maka program berteraskan pengetahuan, pemahaman dan penghayatan prinsip Rukun Negara ini dilaksanakan melalui platform Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Institut pengajian Tinggi (IPT) dan platform Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan sekolah menengah. Penghayatan dan penerimaan kepelbagaian etnik, agama, budaya dan adat resam melalui aktiviti silang budaya sangat penting untuk memastikan masyarakat kita sentiasa bersikap professional dan berfikiran positif dalam pergaulan dan komunikasi antara satu sama lain tanpa menyinggung perasaan mana-mana pihak.

Selain daripada itu, pihak jabatan juga sentiasa melaksanakan program penghayatan Rukun Negara dan literasi Perlembagaan Persekutuan dengan kerjasama pelbagai agensi swasta, NGO dan badan-badan korporat di Negeri Selangor. Ini adalah antara usaha bersama dalam menerapkan elemen perpaduan di segenap lapisan masyarakat. Program penghayatan Rukun Negara sentiasa disemarakkan bersama rakan-rakan perpaduan ini untuk menyemarakkan semangat perpaduan agar sentiasa mekar dalam masyarakat kita.

Program pendidikan perpaduan di Tabika Perpaduan juga antara usaha jabatan menerapkan elemen nilai murni dan patriotisme bermula diperingkat awal persekolahan. Di Selangor ada sebanyak 182 kelas Tabika Perpaduan dengan bilangan kanak-kanak daripada pelbagai etnik seramai 4,196 kanak-kanak direkodkan pada pendaftaran awal tahun 2020. Kanak-kanak seawal usia 4 hingga 6 tahun diberi penekanan kepada pemupukan, menyemai, semangat kejiwaan dan pendedahan hidup bermasyarakat bersama kawan-kawan yang berlainan etnik, agama, budaya dan adat resam. Pemupukan seawal usia ini penting dalam membentuk masyarakat yang berdaya saing dan berfikiran positif.

## **PENUTUP**

Usaha penyatupaduan dalam masyarakat kita untuk menyemarakkan semangat perpaduan adalah tanggungjawab semua orang dalam memastikan kelestarian keharmonian dan kedamaian yang kita ada pada hari ini. Semua pihak perlu tampil berkerjasama menjulang semangat kenegaraan dengan jujur ikhlas untuk memastikan perpaduan yang diidamkan oleh semua rakyat Malaysia.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN DI NEGERI SELANGOR**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pekerjaan baru yang telah wujud dan ditawarkan oleh Kerajaan Negeri selepas 2 tahun pentadbiran Pakatan Harapan di Selangor.

**JAWAPAN:**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SELANGOR**

- a) Statistik guna tenaga suku tahunan diperoleh daripada Survei Guna Tenaga (SGT) yang dilaksanakan secara suku tahunan ke atas pertubuhan formal dalam sektor swasta meliputi kesemua aktiviti utama ekonomi. Reka bentuk pensampelan bagi survei ini adalah bagi mengukur statistik mengikut kategori industri di peringkat nasional. Oleh itu, statistik di peringkat negeri tidak tersedia melalui survei tersebut.

Berdasarkan Laporan Statistik Guna Tenaga Suku Tahun Keempat 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah kekosongan di Malaysia pada tahun 2018 dan 2019 adalah dalam lingkungan 197 ribu hingga 198 ribu. Dari segi kemahiran, lebih 50% kekosongan jawatan dalam kategori separuh mahir. Sebahagian besar kekosongan jawatan adalah di sektor Pembuatan dengan 109 ribu pada tahun 2019. Perincian statistik kekosongan jawatan mengikut aktiviti ekonomi dan kemahiran adalah seperti di Lampiran 1.

Berdasarkan Laporan Statistik Guna Tenaga Suku Tahun Keempat 2019 yang dikeluarkan DOSM, jumlah pewujudan jawatan di Malaysia bagi tempoh suku pertama 2018 hingga suku keempat 2019 adalah dalam lingkungan 22 hingga 29 ribu jawatan. Pewujudan jawatan pada tahun 2018 adalah 101 ribu manakala pada tahun 2019 adalah 104 ribu. Pada tahun 2019, pewujudan jawatan bagi kategori mahir adalah 43% diikuti 49.2% bagi separuh mahir. Mengikut sektor ekonomi, sebanyak 49.2% pewujudan jawatan pada tahun 2019 adalah di sektor Perkhidmatan. Perincian statistik pewujudan jawatan mengikut ekonomi dan kemahiran adalah seperti di Lampiran 2.

Statistik guna tenaga suku tahunan diperoleh daripada Survei Guna Tenaga (SGT) yang dilaksanakan secara suku tahunan ke atas pertubuhan formal dalam sektor swasta meliputi kesemua aktiviti utama ekonomi. Penyusunan statistik ini adalah berdasarkan rangka kerja dan garis panduan yang disyorkan

oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organisation* (ILO) dan amalan terbaik organisasi statistik negara lain.

Statistik utama dari sudut permintaan buruh iaitu jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan telah diterbitkan secara suku tahunan berdasarkan suivei ini mulai suku tahun rujukan pertama 2015 dalam laporan Statistik Guna Tenaga.

Statistik yang dilaporkan adalah mengikut lima (5) sektor utama ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan yang mana turut memaparkan statistik mengikut kemahiran.

Kekosongan merujuk kepada jawatan yang belum diisi pada akhir setiap suku tahun. Sesuatu jawatan dianggap kosong jika memenuhi kriteria berikut:

- Sesuatu jawatan wujud dan tersedia untuk diisi. Jawatan tersebut termasuk sepenuh masa/ separuh masa, tetap, sementara atau bermusim;
- Kerja tersebut boleh bermula dalam tempoh masa 30 hari sekiranya calon yang sesuai diperolehi dalam tempoh tersebut; dan
- Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon termasuk membuat pengiklanan mengenai kekosongan jawatan, mengeluarkan notis, memaklumkan kepada agensi pekerjaan awam, swasta atau kesatuan pekerja serta telah/ akan menghubungi, menemu ramah atau memilih pemohon yang telah membuat permohonan.

**Tidak termasuk:**

- Kekosongan yang hanya boleh diisi oleh pekerja sedia ada kerana pertukaran dalaman, kenaikan atau penurunan pangkat, atau panggilan semula selepas diberhentikan;
- Jawatan yang dijangka akan diisi dalam tempoh lebih daripada 30 hari;
- Jawatan yang telah diisi tetapi pekerja tersebut belum melapor diri; dan
- Jawatan yang akan diisi oleh pekerja yang dibekalkan oleh agensi lain seperti subkontraktor dan perunding.

Kekosongan adalah statistik stok pada sesuatu masa. Oleh itu, kekosongan pada suku keempat 2019 mewakili kekosongan pada tahun 2019.

Pewujudan jawatan merujuk kepada jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan penambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.

Pewujudan jawatan adalah statistik kumulatif. Pewujudan jawatan pada tahun 2019 adalah hasil tambah pewujudan jawatan suku tahun pertama sehingga suku keempat 2019.

Reka bentuk pensampelan bagi SGT adalah di peringkat nasional. Oleh itu statistik di peringkat negeri tidak tersedia melalui survei tersebut.

## **JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR**

- a) Berdasarkan data Jabatan ini, kekosongan jawatan dari Portal JobsMalaysia untuk 2018 & 2019 adalah seperti berikut :

### **JUMLAH KEKOSONGAN JAWATAN MENGIKUT KATEGORI**

<b>KATEGORI PEKERJAAN</b>	<b>TAHUN</b>	
	<b>2018</b>	<b>2019</b>
<b>Pengurus</b>	700	2,986
<b>Profesional</b>	3,794	7,342
<b>Juruteknik Dan Profesional Bersekutu</b>	5,373	10,915
<b>Pekerja Sokongan Perkeranian</b>	2,197	3,919
<b>Pekerja Perkhidmatan Dan Jualan</b>	10,378	13,017
<b>Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan, Dan Perikanan</b>	261	188
<b>Pekerja Kemahiran Dan Pekerja Pertukangan Yang Berkaitan</b>	7,076	8,806
<b>Operator Mesin Dan Loji, Dan Pemasang</b>	34,052	47,700
<b>Pekerja Asas</b>	223,229	169,880
<b>Jumlah</b>	<b>287,060</b>	<b>264,753</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : JALAN LADANG**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memudahkan penukaran status jalan ladang kepada jalan berturap?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi jalan ladang yang dibina oleh Jabatan Pertanian atau IADA Barat Laut Selangor, skop projek yang ditetapkan hanya menggunakan *crusher run* atau tanah laterit dengan kelebaran jalan maksimum 4.5 meter. Jabatan Pertanian tidak diberikan peruntukan bagi menaiktaraf atau menyelenggara jalan berturap. Jalan tersebut perlu terlebih dahulu ditukar kepada jalan luar bandar supaya Pejabat Daerah boleh menyediakan peruntukan untuk menurap jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : GELANGGANG FUTSAL BELIA**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah gelanggang futsal di seluruh Negeri Selangor mengikut DUN?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri amat menitikberatkan aspek pembangunan sukan dan sangat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor. Justeru itu, penyediaan kemudahan gelanggang futsal untuk menggalakkan penglibatan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti kesukanan tidak pernah diabaikan.

Untuk makluman, keperluan pembaikan kemudahan sukan di peringkat Dewan Negeri adalah bagi memastikan kemudahan sukan yang telah rosak dapat dinaiktaraf untuk digunakan oleh masyarakat setempat. Kemudahan ini boleh digunakan sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah bagi melahirkan masyarakat yang sihat, aktif dan berdaya saing.

Bermula 2013 sehingga 2019 terdapat 119 bilangan gelanggang futral telah dibaikpulih dan kos keseluruhannya berjumlah RM2,640,548.85.

Senarai projek gelanggang futsal yang dibaikpulih bagi tahun 2013 sehingga 2019 adalah seperti di **Lampiran 1**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : RUMAH KEBAJIKAN SEPERTI RUMAH ORANG TUA, ANAK YATIM,  
OKU DAN LAIN-LAIN**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rumah orang-orang tua yang terdapat di dalam Negeri Selangor sama ada di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta? Sila pecahkan mengikut DUN?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada rumah orang-orang tua tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat jumlah rumah orang-orang tua yang terdapat di Negeri Selangor sama ada di bawah Kerajaan Persekutuan, Pertubuhan Sukarela Kebajikan dan pihak swasta berjumlah 86 buah dengan pecahan mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>BILANGAN RUMAH ORANG TUA</b>
1.	Balakong	5
2.	Bukit Gasing	17
3.	Bukit Melawati	1
4.	Dengkil	1
5.	Dusun Tua	2
6.	Kajang	11
7.	Kampung Tunku	2
8.	Kinrara	1
9.	Kota Anggerik	3
10.	Kuang	1
11.	Kota Kemuning	1
12.	Lembah Jaya	7
13.	Pandamaran	3
14.	Paya Jaras	1

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>BILANGAN RUMAH ORANG TUA</b>
15.	Rawang	3
16.	Semenyih	7
17.	Sentosa	4
18.	Seri Kembangan	2
19.	Seri Serdang	1
20.	Seri Setia	1
21.	Subang Jaya	9
22.	Sungai Kandis	1
23.	Templer	1
<b>JUMLAH</b>		<b>86</b>

[Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor]

- b) Kerajaan Negeri tidak menyalurkan sebarang peruntukan khusus kepada rumah-rumah kebajikan berkenaan. Walau bagaimanapun sekiranya rumah-rumah kebajikan berkenaan berhasrat untuk mengadakan sebarang program yang melibatkan aktiviti kebajikan, mereka boleh mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan dan diteliti dengan penggunaan peruntukan Bantuan Badan Bukan Kerajaan (NGO) sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : BAZAR RAMADHAN**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tapak bazar Ramadhan yang ada di dalam Negeri Selangor mengikut kawasan DUN?
- b) Berapakah bayaran sewaan tapak yang ditetapkan oleh PBT?
- c) Berapakah jumlah hasil daripada sewaan tapak tersebut dari tahun 2016 sehingga kini mengikut PBT?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Berikut adalah jumlah tapak bazar Ramadhan yang ada di dalam Negeri Selangor mengikut kawasan DUN:

BIL	PBT	DUN	JUMLAH TAPAK BAZAR RAMADHAN PBT MENGIKUT DUN	BAYARAN SEWAAN TAPAK (RM)
1.	MBSA	Kota Anggerik	538	RM30.00/tapak
		Batu Tiga	370	
		Kota Kemuning	380	
		Paya Jaras	360	
		<b>Jumlah Kecil</b>	<b>1648</b>	
2.	MBPJ	Bukit Lanjan	266	RM195.00- RM295.00 mengikut kategori perniagaan
		Bandar Utama	100	
		Taman Medan	270	
		Kg. Tunku	80	
		Kota Damansara	210	
		Bukit Gasing	148	
		Seri Setia	326	



BIL	PBT	DUN	JUMLAH TAPAK BAZAR RAMADHAN PBT MENGIKUT DUN	BAYARAN SEWAAN TAPAK (RM)
		<b>Jumlah Kecil</b>	<b>1400</b>	
3.	MPK	Kota Raja	2	RM5.00/Petak
		Selat Klang	2	
		Meru	6	
		Pelabuhan Klang	9	
		Pandamaran	8	
		Sementa	9	
		Sentosa	3	
		Bandar Baru Klang	7	
		<b>Jumlah Kecil</b>	<b>46</b>	
4.	MPAJ	Hulu Kelang	453	RM250.00/ tapak
		B.Antarabangsa	85	
		Pandan Indah	395	
		Lembah Jaya	435	
		Teratai	62	
		<b>Jumlah Kecil</b>	<b>1430</b>	
5.	MPSJ	Subang Jaya	5	makanan / minuman (tidak termasuk apron & topi) RM250.00 kelapa / tebu RM310.00
		Puchong	5	
		Kinrara	2	
		Sri Kembangan	3	
		<b>Jumlah Kecil</b>	<b>15</b>	
6.	MPS	Sungai Tua	169	RM90.00/ tapak
		Gombak Setia	434	
		Taman Templer	534	
		Rawang	497	
		Paya Jaras	77	
		Kuang	83	
		Bukit Lanjan	65	

BIL	PBT	DUN	JUMLAH TAPAK BAZAR RAMADHAN PBT MENGIKUT DUN	BAYARAN SEWAAN TAPAK (RM)
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>1859</b>	
7.	MPKj	Kajang	519	RM150.00- RM200.00
		Balakong	504	
		Sg.Ramal	529	
		Dusun Tua	100	
		Semenyih	287	
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>1939</b>	
8.	MPSp	Dengkil	528	120
		Sungai Pelek	237	120
		Tanjung Sepat	-	-
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>765</b>	
9.	MPKL	Banting	160	Bayaran Permit Penjaja : RM 60.00 / penjaja  Bayaran Pelupusan Sampah : RM 140.00 / penjaja
		Sijangkang	360	
		Tg. Sepat	20	
		Morib	140	
		Dengkil	40	
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>720</b>	
10.	MDHS	Hulu Bernam	40	RM200.00/tapak
		Kuala Kubu Bharu	-	
		Batang Kali	700	
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>740</b>	
11.	MDKS	Sungai Burong	125	RM250.00- RM350.00/tapak
		Bukit Melawati	173	
		Ijok	100	
		Jeram	523	
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>921</b>	
12.	MDSB	Sg Air Tawar	1	RM120.00/ tapak
		Sabak	1	

BIL	PBT	DUN	JUMLAH TAPAK BAZAR RAMADHAN PBT MENGIKUT DUN	BAYARAN SEWAAN TAPAK (RM)
		Sungai Panjang	1	
		Sekinchan	1	
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>4</b>	
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>11487</b>	

Nota : Sumber data dari PBT

- c) Jumlah hasil daripada sewaan tapak tersebut dari tahun 2016 sehingga kini mengikut PBT adalah seperti berikut :

BIL	PBT	JUMLAH HASIL SEWAAN TAPAK			
		2016	2017	2018	2019
1.	MBSA	46,500.00	43,500.00	41,250.00	35,100.00
2.	MBPJ	275,520.00	261,580.00	236,775.00	229,600.00
3.	MPK	1,007,298.00	1,171,332.00	1,423,050.00	1,422,836.00
4.	MPAJ	227,312.10	260,498.70	205,352.00	341,500.00
5.	MPSJ	166,718.40	160,210.00	148,930.00	172,610.00
6.	MPS	92,520.00	78,210.00	95,453.00	153,450.00
7.	MPKj	43,200.00	41,400.00	341,950.00	342,400.00
8.	MPSp	69,597.00	70,050.00	77,120.00	78,836.00
9.	MPKL	62,530.00	80,200.00	91,600.00	107,100.00
10.	MDHS	118,980.00	116,825.00	122,585.00	134,105.00
11.	MDKS	196,415.00	198,715.00	207,417.00	231,685.00
12.	MDSB	52,273.00	53,995.00	55,375.00	95,734.00
<b>JUMLAH</b>		<b>2,358,863.50</b>	<b>2,536,515.70</b>	<b>3,046,857.00</b>	<b>3,344,956.00</b>

Nota : Sumber data dari PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KURSUS PENINGKATAN KUALITI KERJA KAKITANGAN PUSAT  
KHIDMAT RAKYAT DUN**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan kursus-kursus berkaitan kepada kakitangan pejabat DUN agar kualiti perkhidmatan bertambah?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Dewan Negeri telah merancang untuk mengadakan Kursus Asas Pentadbiran dan Kewangan kepada semua Pembantu Tadbir Pusat Khidmat Masyarakat. Kursus ini akan diadakan pada masa yang sesuai berikutan penularan wabak COVID-19 kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : BAIKPULIH & MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SUKAN**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk memberikan kelonggaran terhadap penggunaan peruntukan sebanyak RM40,000 bagi membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur sukan selain daripada infrastruktur sukan seliaan Pejabat Daerah?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat menitikberatkan aspek pembangunan sukan dan sangat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor. Justeru itu, penyediaan kemudahan sukan untuk menggalakkan penglibatan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti kesukanan tidak pernah diabaikan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap Dewan Negeri bagi Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Kemudahan Sukan. Untuk makluman, keperluan pembaikan kemudahan sukan di peringkat Dewan Negeri adalah bagi memastikan kemudahan sukan yang telah rosak dapat dinaiktaraf untuk digunakan oleh masyarakat setempat. Kemudahan ini boleh digunakan sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah bagi melahirkan masyarakat yang sihat, aktif dan berdaya saing.

Untuk makluman, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 13 / 2019 yang diadakan pada 23 Mei 2019 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 14 / 2019 pada 29 Mei 2019 telah menimbang dan meluluskan Penggunaan Peruntukan Sukan di kawasan Dewan Negeri seperti berikut: -

- i) Bersetuju agar penggunaan 1/3 daripada 30% jumlah peruntukan Projek Kecil di bawah peruntukan Y.B. Ahli Dewan Negeri hendaklah digunakan bagi menaiktaraf dan membaikpulih infrastruktur sukan;
- ii) Bersetuju agar peruntukan P01-07002 (Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan) sebanyak RM40,000.00 disalurkan secara Waran kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) berdasarkan Surat Setuju Terima (SST);

- iii) Bersetuju agar semua pelaksanaan bagi projek membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur sukan perlu berdasarkan Proses Kerja Bagi Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kemudahan Sukan seperti di **Lampiran 1** dan menjadikan *Bill of Quantity* yang telah disediakan oleh Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) sebagai rujukan bagi pelaksanaan projek tersebut; dan
- iv) Bersetuju agar Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan bagi tahun 2019 dikhususkan kepada kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf padang bola sepak manakala bagi tahun-tahun berikutnya akan ditentukan oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sukan.

Selaras dengan keputusan tersebut, satu penambahbaikan telah dibuat bagi Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Kemudahan Sukan di kawasan Dewan Negeri yang mana pada tahun ini, projek ini akan dikhususkan kepada Kerja-Kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf Padang Bola Sepak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PRESTASI PROGRAM JOM SHOPPING SKIM MESRA USIA EMAS**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi terkini program Jom Shopping Skim Mesra Usia Emas sejak program tersebut sejak dilancarkan sehingga kini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan nilai baucar yang diterima oleh warga emas tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah jumlah jemputan dari bulan September 2019 sehingga bulan Februari 2020 dan jumlah pencapaian sepanjang program ini berlangsung. Pihak YAWAS dapat maklumbalas daripada pemohon yang tidak hadir bahawa mereka tidak buat kemaskini data sejak mereka daftar dan nombor telefon yang digunakan juga telah ditukar, oleh itu pihak YAWAS akan meningkatkan publisiti dan promosi untuk kempen kemaskini data ahli SMUE.

<b>BIL</b>	<b>JUMLAH PESERTA YANG DIJEMPUT</b>	<b>JUMLAH HADIR</b>	<b>% HADIR</b>	<b>JUMLAH TIDAK HADIR</b>	<b>% TIDAK HADIR</b>
1.	125,232	52,334	41.8%	72,898	58.2 %

- b) Untuk makluman, buat masa sekarang nilai baucer tersebut akan dikekalkan iaitu berjumlah RM100.00 dan masih lagi tiada cadangan atau perancangan untuk menaikkan nilai baucer tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : RUMAH KEBAJIKAN SEPERTI RUMAH ORANG TUA, ANAK YATIM,  
OKU DAN LAIN-LAIN**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rumah kebajikan orang kurang upaya (OKU) yang terdapat di dalam Negeri Selangor sama ada di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta? Sila pecahkan mengikut DUN.
- b) Berapakah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada rumah kebajikan OKU tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rumah berkediaman kebajikan orang kurang upaya (OKU) yang terdapat di Negeri Selangor adalah sebanyak 47 buah, sama ada institusi di bawah Kerajaan Persekutuan, Pertubuhan Sukarela Kebajikan dan pihak swasta dengan pecahan mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>BILANGAN RUMAH KEBAJIKAN ORANG KURANG UPAYA</b>
1.	Banting	1
2.	Batang Kali	1
3.	Bukit Gasing	2
4.	Kajang	3
5.	Kampung Tunku	2
6.	Kuala Kubu Baharu	1
7.	Pandamaran	2
8.	Rawang	1
9.	Semenyih	3



<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>BILANGAN RUMAH KEBAJIKAN ORANG KURANG UPAYA</b>
10.	Sentosa	1
11.	Sungai Pelek	1
<b>JUMLAH</b>		<b>17</b>

[Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor]

- b) Kerajaan Negeri tidak menyalurkan sebarang peruntukan khusus kepada rumah-rumah kebajikan berkenaan. Walau bagaimanapun sekiranya rumah-rumah kebajikan berkenaan berhasrat untuk mengadakan sebarang program yang melibatkan aktiviti kebajikan, mereka boleh mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan dan diteliti dengan penggunaan peruntukan Bantuan Badan Bukan Kerajaan (NGO) sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : BIASISWA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan penerima biasiswa Kerajaan Negeri Selangor daripada tahun 2013 sehingga kini mengikut bidang pengajian dan jumlah biasiswa yang diterima?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) bertanggungjawab membiaya 2 jenis pembiayaan iaitu pinjaman dan biasiswa. Bagi pembiayaan daripada kategori biasiswa terdapat 6 program yang terlibat. Berikut adalah pecahan program bagi tempoh 8 tahun (**Lampiran A**)
- b) TKWBNS menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri setiap tahun berikut adalah peruntukan yang diterima bagi tempoh 8 tahun:

<b>PERKARA</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>
Peruntukan (RM'juta)	24.46	16.31	26.31	16.31	26.91	27.91	16.6	16.6

**LAMPIRAN A**

BIL	PROGRAM	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
<b>BIASISWA</b>									
1.	Kakitangan Awam & Akademik	8 orang	8 orang	13 orang	15 orang	27 orang	40 orang	44 orang	46 orang
	(RM'juta)	0.16	0.24	0.14	0.15	0.18	0.35	0.26	0.30
2.	Selangorku/Sagong Tasi	-	-	-	257 orang	273 orang	345 orang	210 orang	132 orang
	(RM'juta)	-	-	-	1.3	3.47	3.96	2.26	1.8
3.	Biasiswa DYMM	2 orang	3 orang	4 orang	6 orang	6 orang	6 orang	7 orang	5 orang
	(RM'juta)	0.003	0.007	0.007	0.01	0.01	0.05	0.07	0.07
4.	Madinah	-	-	-	10 orang	10 orang	10 orang	10 orang	10 orang
	(RM'juta)	-	-	-	0.17	0.50	0.22	0.34	0.23
5.	Brain Bank	-	-	-	-	-	1 orang	1 orang	3 orang
	(RM'juta)	-	-	-	-	-	0.1	0.18	0.3
6.	Menteri Besar	-	-	-	-	20 orang	34 orang	40 orang	43 orang
	(RM'juta)	-	-	-	-	-	0.29	0.57	0.77